

Wacana Undang-undang Hudud dalam Khutbah Jumaat di Negeri-negeri Terpilih di Malaysia

Discourse on Hudud Law in Friday Sermon in Selected Malaysian States

MOHD AL ADIB SAMURI
NORFADILAH AMIR

ABSTRAK

Di Malaysia, khutbah Jumaat telah dimanfaatkan oleh pihak berkuasa agama dan kerajaan bagi mempengaruhi pendapat majoriti Muslim. Namun, sejauh mana khutbah menjadi medium untuk meningkatkan penerimaan perundangan syariah seperti hudud dalam konteks Malaysia masih belum disentuh oleh mana-mana pengkaji. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk membahaskan tentang sejauh mana khutbah telah menyebar dan mempromosikan undang-undang hudud di di negeri-negeri Malaysia? Kajian ini telah menganalisis teks-teks khutbah terpilih yang disampaikan pada tahun 2013 sehingga 2016 di beberapa negeri-negeri di Malaysia yang sebahagian transkripsinya boleh diakses di laman web rasmi jabatan agama negeri. Teks ini dianalisis menggunakan perisian Nvivo 11 dengan pendekatan tematik. Kajian ini membuktikan bahawa birokrat agama di peringkat negeri memainkan peranan besar dalam membentuk kefahaman dan sokongan masyarakat terhadap prospek perlaksanaan undang-undang hudud. Biarpun secara retorik, hudud digambarkan dalam khutbah sebagai suatu undang-undang yang berteraskan wahyu yang tidak boleh dikritik dan dipercayai boleh menawarkan penyelesaian kepada peningkatan gejala jenayah dalam masyarakat.

Kata kunci: Khutbah; Hudud; Islamisme; Birokrat Agama; Undang-undang Islam di Malaysia

ABSTRACT

In Malaysia, Friday sermons have been utilized by States' religious authorities and government to influence the opinion of majority Muslim. Nevertheless, the extent of the khutba as a medium to increase the level of acceptance of Sharia law in Malaysia has yet to be discussed by any researcher. Thus, this article will discuss on how far khutba has spread and promoted hudud law in Malaysia, a motion that contradicted to the government's stand, despites so many initiatives have been launched to curb the influence of Islamism in mosques. This research analysed khutba texts that had been delivered in 2013 until 2016 in several Malaysian States which transcriptions were accessible on the official website of the state religious department. All texts were analysed using Nvivo 11 software by thematic approach. This study found that religious bureaucrats in state level have been playing significant roles in shaping the society's understanding and support for the prospect of hudud law. Even though it is considered as rhetoric, the hudud law has been depicted in khutba as a divine law that should not be criticized and believe to offer a solution to decrease the criminal rate in the society.

Keywords: Khutba; Hudud; Islamism; Religious Bureaucrat; Islamic law in Malaysia

PENGENALAN

Proses Islamisasi di Malaysia telah mendapat perhatian para pengkaji tempatan dan antarabangsa semenjak awal 1980-an sehingga kini. Penyelidik seperti Nagata, J. (1980; 1986), Abbott (2010) dan Hamayotsu (2004) telah menyorot perkembangan proses Islamisasi ini di peringkat kerajaan, masyarakat dan individu. Di peringkat kerajaan, ‘Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran’ telah diperkenalkan pada 1985 menyebabkan banyak polisi kerajaan Malaysia diselaraskan mengikut kehendak Islam. Dari sudut perkembangan perundangan, kerajaan juga telah membuat pembaharuan undang-undang Islam seperti

peningkatan bidang kuasa hukuman mahkamah Syariah dan pembaharuan undang-undang keluarga, prosedur mahkamah syariah dan pentadbiran Islam (Anwar 2004).

Dasar tersebut turut membentuk sudut pandangan masyarakat Muslim terhadap perundangan Islam. Sepanjang pelaksanaan dasar tersebut, kerajaan Persekutuan dan pihak berkuasa agama di negeri-negeri telah berganding bahu dalam menseragamkan kefahaman Islam masyarakat, pengamalan Islam dan perundangan Islam. Pelbagai inisiatif digerakkan seperti mendaftarkan semua sekolah agama rakyat, penyeragaman kurikulum pendidikan Islam dan sekolah agama, kempen keagamaan di media dan juga

mengenakan sekatan perundangan kepada mana-mana pihak yang cuba menyebarkan dan mengamalkan Islam dengan cara yang berbeza dengan amalan arus perdana iaitu Ahli Sunnah wal Jamaah. Di samping itu, kerajaan dan pihak berkuasa agama menggunakan platform khutbah untuk menerapkan idea dan tafsiran berkaitan Islam di Malaysia serta menyebarkan dasar kerajaan kepada orang Islam bagi meraih sokongan mereka.

Dalam banyak kajian berkaitan Islamisasi di Malaysia, tiada lagi kajian yang menyentuh sejauhmana khutbah telah digunakan untuk menyebarkan agenda Islamisme seperti pelaksanaan undang-undang hudud. Tambahan lagi, penyelidikan berkaitan Islamisasi di Malaysia sebelum ini lebih menyentuh tentang peranan kerajaan atau pertubuhan agama dalam menjayakannya dan jarang menyentuh peranan golongan birokrat Muslim dalam menyebarkan idea politik Islam atau Islamisme ke dalam masyarakat. Sehubungan itu, artikel ini akan membincangkan sejauh mana khutbah di Malaysia telah digunakan oleh pihak berkuasa agama untuk menyebarkan dan mempromosikan perundangan hudud, secara langsung atau tidak langsung.

Menyedari peranan khutbah sebagai medan efektif untuk menyampaikan sesuatu idea atau tafsiran dalam Islam (Muzakki 2008), pihak berautoriti memanfaatkannya untuk menerapkan tafsiran mereka tentang undang-undang jenayah Islam terhadap komuniti Islam. Ini diakui oleh Feener (2012) yang berhujah bahawa khutbah adalah forum terbaik untuk menyebarkan pengetahuan tentang perundangan Islam kepada masyarakat Islam. Dengan ungkapan yang lebih baik, Hooker (2008: 130) menyatakan, '*the khutbah is a public exposition of Sharia each week.*' Menerusi pengamatan Feener dan Hooker ini, artikel ini ingin melihat sejauh mana salah satu cabang perundangan Islam yang sering dikritik dan mengundang kontroversi, iaitu hudud, dipromosi dan disebarluaskan menerusi khutbah untuk kefaamanan masyarakat Islam di Malaysia.

Di Malaysia, polemik hudud telah menjadi modal pergeseran politik antara golongan Islamis dan sekularis. Perdebatan dan wacana berkaitan hudud tidak hanya berada di pentas politik bagi meraih undi dan sokongan (Hamid 2015), tetapi turut merebak kepada kempen media dan penulisan akademik untuk mempengaruhi massa. Islamis yang cenderung kepada pelaksanaan hudud berusaha keras untuk memanfaatkan peruntukan undang-undang sedia ada untuk memungkinkan undang-undang itu terlaksana di Malaysia. Manakala, golongan yang tidak cenderung kepada pelaksanaannya

menggunakan pelbagai hujah daripada aspek perundangan, sosial, keadilan dan politik untuk 'menolak' hukuman tersebut (Hamid 2009; Faruqi 2005; Weiss 2004; Wah 2014; Hung 2016). Ternyata, khutbah tidak terkecuali daripada digunakan sebagai medan wacana ini.

KONSEP KHUTBAH

Khutbah berasal daripada perkataan Arab *khataba*, *yakhtubu*, *khutbatan* yang bermaksud pertuturan kepada orang lain untuk memberi kefaamanan. Khutbah juga sinonim dengan perkataan yang mengandungi nasihat dan pengajaran (al-Nawawi 1980), manakala al-Jurjani (1988) mentakrifkan khutbah sebagai salah satu seni yang terdapat dalam seni percakapan yang disampaikan melalui pendengaran dan penglihatan. Muhammad Abu Zahrah (1934) menyatakan khutbah merupakan satu ilmu yang mempunyai garis panduan tertentu supaya mesej yang hendak disampaikan dapat difahami serta mampu meyakinkan pendengar agar menerima mesej yang disampaikan berdasarkan isi yang didengari (Ali Mahfuz 1983). Berdasarkan beberapa definisi tersebut dapatlah disimpulkan bahawa khutbah merupakan pertuturan dan ucapan yang mengandungi nasihat serta disampaikan mengikut peraturan tertentu bagi memberi keyakinan kepada pendengar untuk menerima dan mengikuti nasihat tersebut.

Dalam konteks ibadah, khutbah merupakan suatu bentuk ucapan tentang ajaran Islam yang dibuat pada setiap hari Jumaat sebelum solat Jumaat ditunaikan. Menurut al-Kasani (2003), Ibn Rusyd (1998), al-Nawawi (1980) dan Ibn Qudamah (1997), khutbah merupakan syarat sah bagi solat Jumaat. Ini berdasarkan dalil:

الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نُودِي لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ يَا أَيُّهَا

(Al-Quran, al-Jumu'ah: 9)

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu diseru untuk melaksanakan solat pada hari Jumaat, maka bersegeralah kamu untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang jumaat).

Dalam ayat di atas, kalimah *zikr Allah* membawa maksud solat dan khutbah kerana Nabi SAW tidak pernah meninggalkan khutbah ketika solat Jumaat (al-Qurtubi 1964).

Kebiasaannya khutbah disampaikan mengikut tema dan peristiwa berdasarkan kalender Islam

(Azodanloo 1992). Kebiasaan topik khutbah menyentuh topik seperti akidah, ibadah, sirah, akhlak dan isu semasa yang boleh diambil panduan dan pedoman oleh masyarakat untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Setiap khutbah mempunyai dua set ucapan yang panjangnya sekitar 15 minit sehingga sejam dan dipisahkan selama beberapa minit untuk membolehkan khatib duduk sebentar dan pendengar berdoa. Tradisi ini berasal dari hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Umar iaitu :

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُخَطِّبُ قَائِمًا، ثُمَّ يَقْعُدُ، ثُمَّ يَقُولُ فِي حِجْبَطٍ قَائِمًا.

Maksudnya:

Adapun Rasulullah SAW menyampaikan khutbah dalam keadaan berdiri, kemudian baginda duduk dan bangun semula untuk menyampaikan khutbah.

(Muslim, Sahih Muslim, kitab al-jum'ah, bab dhikru al-khutbatain, no.861).

Khutbah hendaklah mengandungi puji-pujian kepada Allah, selawat ke atas Nabi Muhammad, bacaan satu ayat al-Quran dan doa kepada umat Islam keseluruhannya (Shirbini 1997). Pendengar khutbah terdiri daripada individu lelaki yang bermukim dikawasan berdekatan masjid. Wanita juga tidak dihalang untuk hadir mendengar khutbah namun terhalang disebabkan kapasiti kebanyakan masjid yang terhad (Kamp 2008), walaupun tidak terdapat larangan untuk wanita hadir ke masjid berdasarkan hadis:

حَدَّثَنَا سُفِيَّانُ بْنُ عُيَيْنَةَ، عَنِ الرُّهْبَرِيِّ سَمِعَ سَالِمًا يُحَدِّثُ، عَنْ أَبِيهِ، يَقُولُ
بِهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ:
”إِذَا اسْتَأْذَنْتُ أَحَدَكُمْ امْرَأَةً إِلَى الْمَسْجِدِ، فَلَا يَمْعَنُهَا“.

Maksudnya:

Sufiyan bin 'Uyainah menceritakan kepada kami, daripada al-Zuhri beliau mendengar Salim berkata daripada bapanya, Nabi s.a.w bersabda: "Sekiranya wanita meminta izin untuk pergi ke masjid maka janganlah kamu menghalangnya." (Muslim, Sahih Muslim, kitab al-salah, bab khuruj al-nisa' ilâ al-masajid, no.671).

Ketinggian nilai khutbah juga dapat dilihat apabila ulama bersepakat bahawa khutbah hendaklah disampaikan di atas mimbar ataupun tempat yang tinggi (al-Nawawi 1980; Ibn Qudamah 1997; Shirbini 1997) berdasarkan dalil yang diriwayatkan Jabir bin Abdillah:

عَنْ حَابِّي بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ: حَاءَ رَجُلٌ وَالنَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُخْطُبُ النَّاسَ عَلَى الْمِنْبُرِ يَوْمَ الْجُمُعَةِ فَقَالَ: ”أَصَلَّيْتَ يَا فُلَانْ؟ فَقَالَ: لَا، قَالَ: قُمْ فَارْكِعْ“

Maksudnya:

Daripada Jabir bin Abdillah berkata: Seorang lelaki telah datang ketika Nabi SAW berkhutbah diatas mimbar pada hari jumaat, kemudian Baginda berkata: "Wahai fulan, adakah kamu telah menuaikan solat? Dia menjawab tidak, Nabi berkata: Bangun dan ruku' lah kamu (tunaikanlah solat)." (al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, kitab al-jum'ah, bab idha raa al-imam rajulan jaah wa yakhthub, no.883).

Hadis ini menunjukkan bahawa khutbah hendaklah disampaikan di atas mimbar dan tempat yang tinggi bagi memudahkan manusia melihat khatib dan dapat menerima peringatan yang disampaikan (al-Shirazi 1995). Ini sekaligus menggambarkan autoriti khutbah yang disampaikan sehingga pendengar langsung tidak boleh mencelah, membantah atau mengkritik kandungan khutbah yang disampaikan. Dengan kedudukan sebegini, segala mesej yang disampaikan adalah satu mesej keagamaan yang mesti diterima dan dihadam oleh pendengar, menjadikan khutbah sebagai medium yang efektif untuk dimanfaatkan oleh pihak berkepentingan.

KHUTBAH: MEDAN PROMOSI DAN KEMPEN UNDANG-UNDANG SYARIAH

Sebagai salah satu agenda pasca-kolonial di beberapa negara Islam, ditambah dengan pengaruh dan peluasan kuasa politik kumpulan Islamisme, kempen dan promosi undang-undang hudud telah dijalankan dengan agresif dan giat. Agenda pelaksanaan hudud seringkali menjadi keutamaan kumpulan Islamis setelah mendapat kuasa politik yang absah, seperti yang terjadi di Sudan (Tønnessen 2014), Pakistan (Imran 2005; Mehdi 2013) dan Nigeria (Nmehielle 2004; Kalu 2003). Kendhammer (2013) menyifatkan pengenalan undang-undang Islam seperti hudud di negara-negara berkenaan sebagai satu usaha kerajaan negara autoritarian untuk menjalankan transformasi masyarakat ataupun untuk menegih sokongan daripada pergerakan Islam bagi mengukuhkan kuasa politik mereka. Ini menunjukkan bahawa pengenalan dan pelaksanaan undang-undang hudud di beberapa negara Islam lebih bermotifkan kuasa politik, berbanding niat murni untuk menegakkan hukum Allah.

Di Malaysia, polemik berkaitan hudud mula hangat dibincangkan apabila kerajaan negeri Kelantan yang ditadbir oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS) ketika itu telah menggubal satu rang undang-undang berkaitan hudud dan qisas yang dinamakan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993. Walau bagaimanapun, undang-undang ini tidak dapat dilaksanakan kerana ia dipercayai bercanggah dengan

peruntukan-peruntukan Perlembagaan Malaysia dan akta-akta berkaitan yang telah mengehadkan bidang kuasa mahkamah syariah untuk menjatuhkan hukuman jenayah (Seda-Poulin 1993; Harding 2002). Memandangkan usaha untuk memperkenalkan undang-undang jenayah syariah sepenuhnya masih belum berjaya, kempen tentangnya masih terus dijalankan.

Beberapa pengkaji telah mengamati usaha-usaha mempromosikan hudud dalam konteks politik. Sebahagian mereka mengaitkan kempen pelaksanaan undang-undang hudud sebagai agenda politik parti Islam di Malaysia untuk memenangi pilihan raya atau terus mengelakkan kuasa politik (Chin 2016). Bagaimanapun, memandangkan politik bersifat pragmatik, kempen pelaksanaan hudud tidaklah sentiasa menjadi agenda parti politik Islam untuk memenangi pilihan raya. Sebagaimana pengamatan Daniels (2013), parti politik Islam telah mengubah strategi untuk tidak berkempen menggunakan isu hudud bagi memenangi pilihan raya tertentu, sebaliknya mempromosikan agenda ketelusan urus tadbir untuk menyaingi parti lawannya. Kempen politik pelaksanaan undang-undang hudud menerima pelbagai bentuk respons di Malaysia, sama ada dalam bentuk sokongan, kritikan mahupun penolakan (Nasiha, Khan & Aris 2017). Ini sekaligus menggambarkan penerimaan masyarakat Islam terhadap undang-undang hudud adalah dinamik dan tidak seragam, biarpun sebahagian agamawan mengaitkan pelaksanaan hudud dengan keimanan.

Persoalannya, apakah medan yang digunakan untuk mempromosikan undang-undang hudud? Berdasarkan pengalaman di pelbagai negara, mesej tentang pengenalan dan pelaksanaan undang-undang Syariah termasuk hudud telah disampaikan secara efektif kepada khalayak Muslim menerusi kempen penerangan (Peters 2001), penyebaran pekeliling arahan pematuhan hukum syarak (Ludwig 2008), penguatkuasaan hisbah (Olaniyi 2011), pendidikan dan latihan undang-undang (Thurston 2016), program keagamaan, dan khutbah yang ditaja dan dikawal oleh negara (Samuri & Hopkins 2017). Hooker (2008) dan Samuri dan Hopkins (2017) membincangkan secara khusus bagaimana khutbah yang dijadikan wahana penyebaran atau penerangan tentang undang-undang Syariah di Indonesia dan Malaysia, biarpun konteks dan pelaksanaannya berbeza. Di sebuah negara sekular seperti Indonesia, Hooker (2008) mendapati bahawa undang-undang Syariah telah dipromosikan secara mingguan menerusi khutbah, apabila khatib yang bebas dari cengkaman kawalan kerajaan atau pihak berkuasa agama berupaya mengulas pelbagai

isu daripada perspektif hukum syarak. Bagaimanapun, Hooker tidak menemui sebarang teks khutbah yang mempromosikan pengenalan atau pelaksanaan undang-undang hudud di Indonesia. Ini berbeza dengan situasi di Malaysia, apabila sejumlah khutbah Jumaat di negeri tertentu didapati menerangkan undang-undang hudud kepada jemaah yang hadir, sebagaimana yang ditulis oleh Samuri & Hopkins (2017: 15):

Through the khutba, the religious authorities can provide clarification based on a classical Islamic perspective to shape the Muslim community's understanding of hudud, as well as to respond to certain parties' criticisms regarding these laws. The religious authorities have tried to silence many viewpoints on the subject of hudud implementation by warning that rejection of hudud is akin to apostasy and that one will be punished by Allah for it.

Selain itu, khutbah di Malaysia juga menjadi medan untuk pihak berkuasa agama membidas naratif pengkritik undang-undang Islam dengan melabel mereka sebagai ‘Islam liberal,’ dengan meremehkan kredibiliti mereka sebagai orang yang tidak mempunyai ilmu Islam yang berautoriti (Rahim 2018). Malahan, dengan kuasa dan retorik khutbah, masjid boleh memobilisasikan jemaah untuk keluar berdemonstrasi selepas solat Jumaat bagi memberikan tekanan kepada kerajaan yang dianggap sekular dan tidak melaksanakan undang-undang Islam. Umpamanya, perkara ini dirakamkan oleh Butt (2016) yang membincangkan tentang besarnya pengaruh masjid dalam demonstrasi jalanan dan protes kumpulan Islamis terhadap banyak isu di Pakistan.

METODOLOGI

Kajian ini adalah kajian analisis kandungan yang djalankan secara tematik terhadap teks-teks khutbah setiap minggu yang disampaikan pada tahun 2013 sehingga 2016 di tujuh negeri di Malaysia iaitu negeri Selangor, Melaka, Perak, Kelantan, Terengganu, Wilayah Persekutuan dan Sabah. Pemilihan negeri terbabit dibuat kerana hanya pihak berkuasa agama negeri tersebut yang telah memuat naik teks atau transkripsi khutbah di laman web mereka dalam tempoh empat tahun tersebut. Sebanyak 52 teks khutbah dikumpulkan setiap tahun menjadikan bahan kajian ini berjumlah 1456 teks keseluruhannya. Khutbah turut dimuat naik untuk rujukan orang awam dan kegunaan masjid dalam bahasa Melayu dan sebahagiannya ditulis dalam tulisan jawi. Sebahagian negeri seperti Selangor dan Wilayah Persekutuan

memuatkan terjemahan dalam bahasa English dan *slide powerpoint* untuk dipancarkan dalam dewan masjid ketika khutbah dibacakan. Negeri Pahang lebih unik kerana menterjemah teks khutbah ke dalam bahasa Mandarin. Teks khutbah telah dipilih secara bertujuan dengan meneliti dan membaca tajuk dan teks-teks yang terdapat dalam laman web rasmi mereka. Perisian Nvivo Pro 11 digunakan bagi memudahkan pengekodan dijalankan berdasarkan tema yang telah ditetapkan. Pada peringkat awal, teks khutbah Jumaat hendaklah dibaca dan diteliti satu persatu dan seterusnya dikodkan berdasarkan tema umum Syariah dan perundangan Islam. Teks akan diteliti sehingga membentuk tema-tema terpilih. Antara tema yang dikenal pasti ialah kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan yang merangkumi peranan Yang di-Pertuan Agong, institusi raja dan Perkara 3 - Islam sebagai agama Persekutuan. Tema mengenai pentadbiran agama turut dikenal pasti dan merangkumi perbincangan mengenai urus tadbir zakat dan wakaf. Selain itu, autoriti ulama, maqasid Syariah, pertahanan Syariah dan undang-undang, isu murtad dan kesalahan moral turut dikenal pasti dalam teks khutbah Jumaat. Sehubungan itu, bagi tujuan penulisan artikel ini, teks yang menyentuh tentang undang-undang hudud telah disenarai pendek untuk dianalisa menggunakan pendekatan tematik.

DAPATAN

Terdapat hanya dua khutbah yang membahaskan tentang perundangan hudud daripada aspek substantif. Ini dapat dilihat menerusi penerangan tentang kesalahan jenayah berserta dalil dapat dilihat dalam khutbah di Selangor dan Kelantan pada 2013-2015, dua dekad setelah percubaan untuk memperkenalkan perundangan hudud di Kelantan. Tampaknya, polemik berterusan berkaitan hudud yang berlangsung sekian lama masih terus disambung dan dihidupkan oleh pihak berkuasa agama. Berbeza dengan negeri-negeri lain, seruan kepada pelaksanaan hudud diselitkan menerusi pelbagai tajuk dan perbahasan. Sehubungan itu, kajian ini telah mendapati terdapat tiga tema yang disentuh oleh khutbah berkaitan hudud iaitu objektif pelaksanaan, respon terhadap pengkritik dan juga retorik hudud.

OBJEKTIF PELAKSANAAN HUDUD

Pihak berkuasa agama cuba memberikan rasional dan justifikasi kepada pelaksanaan undang-undang

kontroversi itu untuk dihadam oleh pendengar. Khutbah cuba untuk membentuk pemikiran pendengar bahawa tujuan atau objektif perundangan hudud ialah mencegah jenayah. Namun, khutbah tidak pula memuatkan tentang objektif pelaksanaan hukuman hudud yang lain seperti pemulihan. Fokus kepada matlamat pencegahan mungkin lebih menarik kerana ia sejajar dengan kehendak dan jangkaan masyarakat yang mahukan jaminan keselamatan dan penurunan kadar jenayah.

Cara pelaksanaan hukuman sebat, hukuman potong tangan dan hukuman bunuh yang dijalankan di hadapan orang ramai akan membuatkan para penjenayah yang menjalani hukuman itu benar-benar merasakan bahawa mereka sedang dihukum oleh orang ramai. Di sinilah terletaknya faktor-faktor keberkesaan hukuman hudud yang dapat melahirkan kesan-kesan pencegahan yang berkesan, sehingga membuatkan setiap orang yang bercita-cita untuk melakukan jenayah hudud yang keji itu terpaksa berfikir sedalam-dalamnya sebelum melangkah ke alam jenayah itu. Masyarakat perlu diberi kefahaman yang jelas bahawa hukuman hudud ini adalah bersifat mencegah dan mendidik.” (MAIK 2014a) (Khutbah Kelantan 6 Jun 2014)

Berhubung dengan hukuman rejam, potong tangan dan bunuh memanglah ia mengerikan, tetapi bukankah kesan ngeri itu akan menyebabkan orang akan berfikir seribu kali sebelum melakukannya. Inilah kesan pencegahan yang lahir daripada peringkat-peringkat hukuman.” (JAIS 2014) (Khutbah Selangor 5 September 2014)

Undang-Undang Allah adalah undang-undang terbaik yang dicipta oleh Allah bagi manfaat manusia. Wajarkah kita menyebut zalim, penginayaan, ketinggalan zaman dan sebagainya. Antara bukti keistimewaannya adalah keupayaannya menggerunkan hati manusia, bukan sahaja para penjenayah, malah bagi yang tidak pernah terniat untuk melakukannya. Berbeza dengan undang-undang manusia yang bukan sahaja tidak memberi kesan apa-apa, malah membuka ruang bagi berbagai penyalahgunaan dan penyelewengan sehingga hukuman yang ada bukan lagi menjadi ancaman kepada pesalah, malah menjadi mainan dan bahan sendaan semata-mata.” (JAIP 2014c) (Khutbah Perak 23 Mei 2014)

Mengapa konsep pencegahan jenayah menjadi fokus untuk menjustifikasi pelaksanaan hudud? Konsep pencegahan dan penghukuman dalam penghukuman dalam Islam adalah bertujuan agar pelaku tidak mengulangi kesalahan yang dilakukan dan sebagai pengajaran kepada orang lain supaya tidak melakukan kesalahan. Hukuman pencegahan berasaskan pandangan sarjana bahawa jenayah boleh dihalang apabila masyarakat berasa takut terhadap hukuman yang mereka akan rasai apabila melanggar undang-undang (Mohd Al Adib & Noor Aziah 2009). Ini selaras dengan Maqasid Syariah iaitu untuk menjaga keturunan, harta, akal, maruah demi kemaslahatan hidup manusia (Ibn Abidin 1992) dan menjauhi kerosakan (al-Qarafi t.t). Hukuman yang disaksikan

oleh masyarakat juga mampu menimbulkan ketakutan pada masyarakat sekaligus dapat mencegah mereka daripada melakukan jenayah dan menyebarkan kepada orang yang tidak dapat menyaksikannya (al-Kasani 2003) dan tetap mengutamakan maruah diri pesalah sewaktu hukuman dijalankan.

Bagaimanapun, terdapat pandangan yang mengatakan bahawa hudud bukanlah hanya bertujuan mencegah jenayah dalam masyarakat. Ibn Hazm (1930) menghujahkan sekiranya hudud bertujuan untuk mencegah sudah pasti penyariatan hukuman yang ditetapkan akan lebih berat lagi, namun begitu pencegahan hanya memadai dengan ancaman azab pada hari akhirat nanti. Senada dengan itu, Mohd Al Adib (2012) berpandangan bahawa hukum Islam tidak bertindak berdasarkan kezaliman, sebaliknya bertindak untuk mendidik pesalah dan mencegah orang lain daripada melakukan perkara yang sama. Adalah suatu kelompongan dalam khutbah apabila khatib memfokuskan hanya kepada konsep pencegahan, tetapi tidak menyebut justifikasi penghukuman yang lain seperti pemulihan atau pendidikan (ta'dib).

RESPON TERHADAP PENGKRITIK

Menerusi khutbah, pihak berkuasa agama memberikan penerangan berteraskan perspektif klasikal Islam bagi membentuk kefahaman masyarakat Islam tentang hudud, di samping memberikan jawapan kepada kritikan pihak-pihak tertentu terhadap perundungan itu. Pihak berkuasa agama cuba untuk membisukan semua kritikan dan pandangan intelektual terhadap pelaksanaan hudud dengan memberi amaran bahawa penolakan hukuman hudud akan menyebabkan seseorang itu terkeluar daripada Islam dan akan dihukum oleh Allah. Amaran daripada pihak berautoriti sebegini sudah pasti mendatangkan kewaspadaan bagi jemaah yang taat agar terus menyokong pelaksanaan undang-undang hudud tanpa mempersoalkannya. Hujah sebegini boleh disifatkan sebagai tidak produktif kerana tidak memberikan respons secara intelektual. Di sini juga, pihak birokrat agama mungkin gagal memahami terdapat beberapa bentuk dan tahap penolakan hudud di Malaysia. Ada penolakan yang bersifat total, ada yang penolakan bersifat substantif dan prosedural dan ada penolakan yang bersifat tafsiran nas. Berdasarkan analisis, kajian mendapati terdapat tiga tema dalam respons terhadap pengkritik iaitu penolakan hudud akan menjaskan akidah, keutamaan undang-undang Allah dan waspada dengan musuh Islam.

- a. Menolak hudud bererti membatalkan syahadah atau merosakkan akidah:

Beriktikad bahawa ada hukum yang lebih baik daripada hukum Allah adalah salah dan boleh menggugurkan akidah. Al-Quran dan hadith yang sahih adalah keseluruhan apa yang dimaksudkan sebagai hukum Allah. Hukum Allah adalah meliputi ketetapan Allah sama ada dalam soal ibadah, muamalat, jenayah dan munakahat. Mempertikai dan meragui kebaikan dan keberkesanannya dan mengatakan ada yang lebih baik daripada segala hukum Allah ini akan menjadikan manusia itu terkeluar daripada agama Islam.” (JAIS 2014) (Khutbah Melaka 31 Januari 2014)

Umat Islam hendaklah menghindari daripada sikap suka mempertikai hukum-hukum Allah tanpa mengetahui kedudukan yang sebenarnya bagi mengelakkan kerosakan akidah yang bakal menerima balasan di akhirat kelak. (JAIS 2014) (Khutbah Selangor 5 September 2014)

Islam sahaja agama yang paling lengkap merangkumi segala sistem hidup manusia samada ibadatnya, ekonomi dan muamalatnya, munakahatnya dan sistem kehakimannya. Oleh kerana Allah SWT yang telah mencipta dan menjadikan manusia, maka Allahlah yang Maha Mengetahui mengenai sikap dan perangai manusia. Maka tidak ada sistem yang lebih baik melainkan sistem ciptaan Allah termasuk sistem perundangan-Nya. Undang-undang ciptaan Allah adalah hak Allah yang diciptakan untuk makhluknya bertindak demi mewujudkan kemakmuran di muka bumi ini sesuai dengan tujuan penciptaan manusia sebagai khalifah di muka bumi ini. Namun sama ada disedari ataupun tidak apabila isu ini ditimbulkan sama ada ia berbentuk idea pelaksanaannya atau sekadar perbincangan, terdapat suara-suara terutamanya di kalangan umat Islam yang seolah-olah terlupa mereka sedang mengkritik kebijaksanaan Allah SWT yang mengatur kehidupan hambanya. Jika sekadar menyebut belum sedia, kurang prasarana, bukan keutamaan (aulawiyat) mungkin boleh dimaafkan namun kalau enggan melaksanakan dengan mengaitkan dengan kepentingan tertentu sehingga menafikan hak Allah dan kuasa Allah SWT, ianya amat merbahaya khususnya dari sudut akidah. Keadaan inilah amat dibimbangi kerana rosak dan gugur akidah boleh berlaku akibat daripada perkataan. ...Mimbar ingin mengingatkan umat Islam agar berhati-hati dalam memperkatakan sesuatu yang merupakan hak

Allah yang bijak mengatur kehidupan hambanya.” (JAIP 2014c) (Khutbah Perak, 23 Mei 2014)

- b. Undang-undang Allah lebih utama:
Penguatkuasaan terhadap pesalah-pesalah aqidah dan moral seperti larangan murtad, kesalahan khalwat, zina, homoseksual, lesbian, membuka aurat, meminum arak, makan di khalayak di dalam bulan Ramadhan serta ingatan ulama kepada muda mudi terhadap sambutan Hari Kekasih pada setiap tanggal 14 Februari sering menjadi simbol pertembungan antara Islam dan hak asasi manusia. Sedangkan maksiat dan kemungkaran itu wajib ditegah kerana ia mencabul hak Allah SWT.” (Jaip 2014b) (Khutbah Perak, 28 Februari 2014)

Setelah kita memahami apa itu kebaikan-kebaikan pelaksanaan Qanun Jenayah Syariah, maka amat tidak wajar bagi kita sebagai umat Islam membelakangi hukum-hukum Allah dan Rasul-Nya dalam perkara ini, sehingga kita berani mengambil perundungan yang direka cipta oleh manusia biasa. Adalah amat malang, terdapat umat Islam yang mengatakan bahawa Qanun Jenayah yang diturunkan oleh Allah SWT itu sudah tidak sesuai lagi, ketinggalan zaman bahkan ada yang berani mengatakan bahawa undang-undang Islam ini tidak adil.” (JAIS 2015) (Khutbah Selangor, 11 September 2015)

- c. Waspada dengan musuh Islam:
Umat Islam dinasihatkan supaya sentiasa berwaspada terhadap sebarang usaha musuh untuk mencemar menodai ketulenan ajaran Islam. Mereka sentiasa berusaha memburuk-burukkan ajaran Islam dan mencipta keraguan terhadap kebenaran ajaran Islam dan pelaksanaan dalam masyarakat, baik dari segi akidah, hukum hakam, akhlak dan kerohanian. Di samping itu mereka menyebar agama-agama yang sesat dan fahaman yang salah dalam masyarakat Islam.” (MAIK 2014b) (Khutbah Kelantan, 24 Januari 2014)

Namun ada pula pandangan yang mengatakan umat Islam mempunyai hak peribadi dalam urusan kehidupan mereka termasuklah agama sehingga apabila mereka mahu melanggar perintah Allah seperti meminum arak, berjudi dan sebagainya adalah hak mereka apatah lagi jika ia dilakukan di tempat-tempat privasi mereka sendiri. Maka, amat jelas bahawa mereka menentang hukum-hakam syariat Islam lebih-lebih lagi apabila undang-undang jenayah Syariah diguna pakai di Negara ini.” (JAWI 2015) (Khutbah Wilayah Persekutuan (JAWI), 11 Disember 2015)

Mengapa hari ini timbul persepsi sempit yang jauh menyimpang apabila disebut perkataan hudud, sehingga menimbulkan polemik yang membawa fitnah kepada syariat Islam itu sendiri, malah kepada Islam pada keseluruhannya. Yang terlintas difikiran mereka hanyalah kekerasan dan kekejaman. Sedangkan hudud seperti yang dijelaskan tadi adalah had, batas-batas hukum atau sempadan.” (JAIS 2014) (Khutbah Selangor, 5 September 2014)

Pejuang fahaman liberal juga mendakwa bahawa agama Islam mengikat, jumud, membataskan kemajuan malah cuba menakut-nakutkan masyarakat dengan menafikan pelaksanaan undang-undang Islam yang didakwa sebagai tidak mengikut perlombagaan, kerana dianggap tidak adil, zalim, dan tidak sesuai dilaksanakan dalam kepelbagaian kaum dan agama sedangkan agama Islam adalah agama yang syumul, yang diturunkan oleh Allah SWT yang maha mengetahui, lengkap meliputi peraturan, undang-undang.” (JAIS 2016) (Khutbah Selangor, 26 Februari 2016)

RETORIK HUDUD

Hudud dipersembahkan dalam khutbah dengan lebih bersifat retorik, berbanding analisis empirikal. Jemaah didedahkan dengan romantisme terhadap sejarah Islam yang disifatkan ‘gemilang’ apabila melaksanakan hudud. Pelaksanaan dikaitkan dengan kegemilangan negara Islam dan menjadi prasyarat kepada kesempurnaan sebuah negara Islam. Lebih lanjut, khutbah memaparkan idea bahawa keamanan dan kestabilan masyarakat merupakan kesan langsung kepada pelaksanaan undang-undang itu. Seperti mana-mana pendukung hudud yang lain dalam berkempen tentang pelaksanaannya, negara Arab Saudi seringkali menjadi contoh tentang kejayaan mengawal jenayah menerusi hudud. Sedangkan, menjadikan Arab Saudi sebagai contoh adalah suatu yang boleh diperdebatkan kerana kadar jenayah selain hudud juga begitu tinggi dan rekod pelanggaran hak asasi yang kritikal (Raszewski 2016; Algahtany et al. 2018; Alotaibi et al. 2017).

Pelaksanaannya telah membuktikan keamanan dan kebahagiaan, sebagai contohnya kerajaan Arab Saudi dalam tempoh pelaksanaannya selama 24 tahun, hanya 16 orang sahaja dijatuhi hukuman potong tangan kerana mencuri. Dan di peringkat awal lagi kerajaan Brunei juga telah merasai kesan yang baik setelah melaksanakan Qanun Jenayah Syariah bagi fasa pertama. ...Lihatlah tinta emas sejarah Islam, apabila seluruh syariat Islam dilaksanakan dalam kerajaan Islam dahulu, tamadun kemanusiaan telah berkembang pesat dalam pelbagai

bidang, masyarakat hidup aman sentosa, kemajuan sains dan teknologi telah mengalami anjakan yang amat jauh kehadapan, kegemilangan ilmu telah merentas zaman, sehingga merubah tamadun manusia di Eropah dan Barat.” (JAIS 2015) (Khutbah Selangor, 11 September 2015)

Generasi Islam pada zaman kegemilangannya digilap dengan ketinggian ilmu dan penghayatan Akhlakul Karimah atau akhlak yang mulia. Sebab itu mereka maju kerana penguasaan pemikiran dan akhlak dibentuk berdasarkan ilmu-ilmu keagamaan dan ilmu-ilmu semasa. Dan tidak mustahil bagi kita di zaman ini mengulang kembali tinta sejarah keemasan itu. Prasyaratnya adalah kesediaan untuk berkurban, iaitu berkurban untuk mendaulatkan syariat dan syiar Allah dengan kembali kepada ajaran agama Islam yang sebenar.” (JHEAINS 2015) (Khutbah Sabah, 9 September 2015)

Faktor keamanan keempat dan kelima ialah perpaduan dan kesetiaan kepada wali al-Amri. Ruh perpaduan membuka jalan kepada pendekatan tasamuh dan bersedia menerima perbezaan pendapat dengan merujuk kepada panduan al-Quran dan al-Sunnah. Dengan menjunjung Syariah, menghormati dan setia dengan wali al-Amri, babit-babit percanggahan pendapat atau perbezaan prinsip politik kepartian dapat dihindarkan. Insha Allah, dengan jalinan faktor-faktor keamanan itu dan dengan perlaksanaan peraturan atau qanun berteraskan Islam, keamanan sebenar dan menyeluruh akan menjadi kenyataan.” (Maidam 2013)(Khutbah Terengganu, 20 Disember 2013)

Melaksanakan hukuman Islam, antaranya termasuklah hukuman hudud, qisas dan takzir merupakan satu tanggungjawab dan amanah untuk mentadbir, mengurus dan pemerintah hendaklah sedaya upaya berusaha untuk memastikan undang-undang Allah ini dapat dilaksanakan. Kita semua akan dipersoalkan dan dipertanggungjawabkan oleh Allah di akhirat kelak mengikut bidangkuasa yang ada pada diri masing-masing semasa di dunia. Apakah kita tergolong dalam golongan mereka yang menentang syariah Islam atau tergolong dalam kalangan mereka yang berusaha dan berikhtiyar untuk melaksanakan undang-undang Islam? Semua pihak hendaklah bersatu dalam menjayakan hasrat yang murni ini.” (MAIK 2014c) (Khutbah Kelantan, 30 Mei 2014)

Bagi mereka yang berpenyakit hatinya, mereka melihat hukuman sebat dan rotan ini sebagai penggalak kepada aktiviti keganasan dan kezaliman kepada hukum. Mereka gagal melihat kasih sayang di sebalik ketegasan Islam mensyariatkan hukuman sebat atau rotan sebagai kaedah yang terakhir. Ini menjadikan mereka menentang dan cuba mengharamkan hukuman sebat dilaksanakan walaupun keberkesanannya telah terbukti zaman berzaman. Ada juga yang menentang hukuman rotan ini dengan bahasa yang kelihatannya lebih Islamik dengan mengatakan bahawa rotan bukanlah budaya Islam dan bukan merupakan penentu kepada kejayaan tarbiyyah dalam Islam. Mereka menggambarkan bahawa hukuman ini hanya mencemarkan imej Islam di arena antarabangsa.” (JAIP 2015) (Khutbah Perak, 6 Februari 2015)

Sebuah negara itu penting untuk melindungi Islam, bahkan ada beberapa arahan Allah hanya dapat dilakukan apabila tertubuh sebuah negara seperti hukum qisas dan hudud, jihad dan sebagainya. . . .Adakah salah, orang Islam yang berjumlah 17 juta ini dan mewakili 61% meminta hak mereka untuk diadili dengan undang-undang syariah dan ia adalah tuntutan agama seperti mana tuntutan-tuntutan kewajipan agama yang lain. Bayangkan jika semua umat Islam, meruntuhkan tembok-tembok pemisah di antara mereka bersepakat menuntut perlaksanaan undang-

undang syariah. Malangnya umat Islam tidak melihat kepentingan perlaksanaan undang-undang ini bahkan mempunyai pandangan yang berbeza-beza sedangkan ia adalah tuntutan agama. . . .Umat Islam di negara ini mesti merasa cemas dengan berbagai-bagi bentuk jenayah dengan kadar peningkatan yang tidak nampak tanda-tanda surutnya seperti penyalahgunaan dadah, sumbang mahram, buang anak, boholsia, arak, zina, judi, rogol, pornografi, metroseksual, lumba haram, lesbian, gay, murtad, mencaci agama dan sebagainya. Kebanyakannya pula dari kalangan umat Islam. Di samping usaha mengukuhkan keimanan, berikanlah peluang hukuman seperti pancung, potong tangan, sebat dan rejam menurunkan statistik jenayah-jenayah berkenaan.” (JAIP 2014a) (Khutbah Perak, 31 Oktober 2014)

...tiada jalan pintas lagi bagi menyelesaikan perkara ini (gejala sosial) kecuali kita mengamalkan Islam secara sempurna, secara menyeluruh, baik akidah, syariah dan muamalat.” (MAIK 2014d) (Khutbah Kelantan, 11 April 2014)

Timbul persoalan, apakah bentuk kefahaman yang diperolehi oleh masyarakat Muslim tentang hudud menerusi khutbah Jumaat? Jawapannya, jemaah yang hadir mungkin mendapat perspektif yang lebih bersifat eksklusif, simplistik dan minda tertutup. Penyelesaian kepada masalah sosial yang kompleks hanya boleh diselesaikan dengan perlaksanaan hudud mungkin adalah retorik yang menarik minat pendengar. Apatah lagi, tafsiran dan ijтиhad ulama klasik tentang sisi substantif dan prosedur hukuman hudud masih belum diuji dalam konteks realiti zaman moden. Retorik popular yang dibuat menerusi khutbah ini membentarkan dapatan Moustafa (2013; 2014) yang merumuskan bahawa masyarakat Islam di Malaysia mempunyai kefahaman dan persepsi yang kurang tepat tentang Syariah, termasuklah hudud, dan sistem perundungan Islam di Malaysia. Tambahan lagi, kritikan dan pandangan alternatif terhadap pelaksanaan hudud di Malaysia seperti yang pernah diutarakan oleh Kamali (1998) dan Haneef (2010), yang mengengahkan persoalan yang menjadi pertikaian seperti pembuktian had zina, kekeliruan mengenai kesalahan rogol dan zina serta persoalan mengenai murtad, tidak mendapat perhatian pihak berkuasa agama untuk dimuatkan ke dalam khutbah Jumaat.

PERBINCANGAN

Khutbah berkaitan hudud di Malaysia menggambarkan inisiatif birokrat agama untuk membina dan membentuk kefahaman dan penerimaan masyarakat Islam di negeri terbabit terhadap hukuman tersebut. Sebagai suatu badan yang berkuasa terhadap isu-isu agama, suara mereka mungkin mempunyai pengaruh dalam membentuk pandangan masyarakat. Ini kerana khutbah itu bukan ditulis oleh imam atau khatib

secara peribadi, tetapi melalui proses pengarangan dan pewasitan secara kolektif di institusi agama negeri. Di samping itu, pandangan birokrat agama tentang hudud itu cuba disemai dalam suasana yang autoritatif. Sebagaimana yang digambarkan oleh Azodanloo (1992) secara kritikal, gambaran autoritatif dapat dilihat pada kedudukan khatib yang berdiri tinggi di atas mimbar dan pendengar di bawahnya. Tambahan lagi, jika khatib mempunyai jawatan dalam institusi agama atau politik, khutbah yang disampaikan akan kelihatan lebih bersifat autoritatif.

Perlu difahami bahawa penggubalan undang-undang Islam di negeri dilakukan ahli politik yang menjadi ahli anggota dewan undangan negeri yang bertindak sebagai legislatif. Sehubungan itu, ahli legislatif membawa aspirasi politik mereka untuk menggubal undang-undang yang berupaya untuk mengawal tafsiran agama agar ia selari dengan aspirasi parti politik yang memerintah. Namun, ahli legislatif di peringkat negeri memerlukan golongan birokrat agama bagi mentafsirkan Islam bagi pihak mereka, memandangkan golongan agamawan mempunyai autoriti dan kepakaran dalam agama. Hubungan berkepentingan yang simbiosis ini boleh dilihat pada sesetengah perundangan pentadbiran Islam di sesetengah negeri yang menetapkan menteri besar dan exco negeri boleh menjadi anggota kepada majlis agama Islam di negeri tersebut. Ini menunjukkan terdapat potensi untuk pengaruh politik meresap ke dalam polisi dan tafsiran Islam yang dibuat oleh majlis agama Islam tersebut, termasuklah ke dalam jabatan agama atau mufti yang berada di bawah majlis.

Artikel ini membuktikan bahawa birokrat agama memainkan peranan tersendiri dan signifikan dalam usaha pemartabatan syariah Islam. Hassan (2007) menyatakan bahawa golongan birokrat Muslim, termasuk mereka yang bertugas di jabatan agama, secara langsung dan tidak langsung telah membantu usaha kerajaan menjalankan proses Islamisasi, mempromosikan agenda Islam dan komited terhadap usaha tersebut. Setelah beberapa dekad dasar Islamisasi berjalan, kuasa dan pengaruh birokrat agama ini semakin meningkat. Ini disorot oleh pengkaji seperti Lee (2010) dan Mohamad (2010) yang membincangkan tentang peranan birokrat di institusi agama negeri dalam mengukuhkan kedudukan Islam di Malaysia sehingga pada pandangan mereka kelihatan bersikap autoritarian. Kesannya dapat dilihat dalam perkembangan perundangan Islam di negeri-negeri serta pengukuhan kuasa dan bidangkuasa institusi Islam.

Adalah suatu yang penting untuk mengenali latar belakang birokrat agama yang bertanggungjawab menulis khutbah. Para penulis khutbah ini adalah pegawai di jabatan agama yang mendapat pendidikan awal agama di sekolah agama negeri dan kebangsaan dan kemudian belajar di universiti dalam negara dan luar negara dan bukan lagi asuhan sekolah pondok sebagaimana keadaan sebelum Merdeka dahulu (Camilleri 2013; Shiozaki & Kushimoto 2014). Apabila mereka diambil bekerja di jabatan agama di unit khutbah Jumaat, mereka bertanggungjawab untuk menulis khutbah pada setiap minggu ataupun mendapatkan khidmat penulisan daripada luar seperti pensyarah universiti ataupun guru agama bertauliah. Semua khutbah yang ditulis itu akan dinilai dan diperakuan oleh sebuah jawatankuasa khas dari kalangan birokrat Muslim dan ulama tempatan yang dilantik oleh jabatan berkenaan. Proses ini menunjukkan bahawa pengarangan dan pewasitan khutbah dibuat secara kolektif di kalangan birokrat agama dan bolehlah ditafsirkan bahawa khutbah itu adalah suara sepakat mereka.

Jika diteliti pada kajian lalu, kebanyakan sarjana hanya mengenal pasti pemain utama dalam kempen pelaksanaan hudud datang datang dari golongan Islamis dalam parti politik tertentu. Tetapi, Hamayotsu (2012) mengkritik pandangan *stereotype* sebegini dengan berhujah: '*It is important to note that demands to expand the institutions of Syariah come not only from Islamist opposition, but also from Muslim elites within the ruling party and state apparatus.*' Ini termasuklah pihak berkuasa agama di kebanyakan negeri yang menunjukkan sentimen positif terhadap pelaksanaan hudud dan memainkan peranan utama dalam memberikan pandangan alternatif daripada apa yang dipegang oleh Kerajaan Persekutuan bagi menyedarkan masyarakat Islam di Malaysia. Persoalannya, adakah ideologi Islamis telah menyerap masuk ke dalam pemikiran golongan birokrat agama di institusi Islam negeri? Terdapat beberapa sebab yang mungkin boleh menerangkan perkara ini. Pertama, pengalaman pembelajaran birokrat agama yang terdahulu telah mengukuhkan lagi pandangan Islam Tradisional mereka yang pro-hudud. Kedua, pendedahan terhadap ideologi Islamisme yang banyak di negara Islam, mungkin ketika mereka belajar di universiti di Timur Tengah, telah menyemarakkan lagi kecenderungan mereka terhadap hudud. Ketiga, sikap birokrat agama yang tidak terbuka kepada kepelbagai tafsiran dalam Islam, mungkin kerana interaksi intra-Islam dan pembacaan yang terhad.

KESIMPULAN

Dapatlah dirumuskan bahawa khutbah menjadi forum yang kondusif untuk pihak berkuasa agama menanamkan idea dan tafsiran Islam mereka di kalangan Muslim yang taat. Dengan ruang yang subur seperti ini, birokrat agama di beberapa negeri telah memuatkan idea-idea politik Islam dan Islamisme seperti kewajipan pelaksanaan hudud. Ini membuktikan bahawa golongan Islamis tidak bersendirian dalam memasarkan isu pelaksanaan hudud. Peranan birokrat agama yang selama ini tidak dikaji, menunjukkan komitmen besar untuk membentuk penerimaan masyarakat Muslim terhadap hudud.

Berdasarkan dapatan kajian, terdapat tiga tema yang disentuh oleh khutbah Jumaat di beberapa negeri tentang undang-undang hudud, iaitu objektif pelaksanaan hudud, respons terhadap pengkritik dan juga retorik hudud. Dalam menyampaikan maklumat tentang objektif pelaksanaan hudud, khutbah jumaat hanya memfokuskan terhadap teori pencegahan sebagai justifikasi hukuman, tanpa menyebut teori penghukuman yang lain seperti pemulihan yang turut ada dalam objektif pelaksanaan undang-undang hudud. Apabila khutbah menjawab kritikan pengkritik undang-undang hudud, fokus banyak diberikan kepada aspek akidah dan identiti Muslim. Ini bermaksud, undang-undang hudud telah dijadikan prasyarat keimanan Muslim dan mengkritiknya seumpama menentang hukum Allah dan menyertai gagasan musuh Islam (Islam Liberal). Pandangan agamawan ini kelihatannya menafikan kewujudan pelbagai pandangan sarjana Islam tentang pelaksanaan undang-undang hudud dalam konteks Malaysia. Ketiga pula, khutbah juga disampaikan dalam bentuk retorik dan emotif bagi mengaut sokongan jemaah yang hadir dan masyarakat Islam.

Secara umumnya, hanya sebilangan kecil khutbah yang menyentuh isu undang-undang hudud, berbanding isu perundangan Islam dan akidah Islam yang lebih banyak dan besar. Namun, topik berkaitan hudud seringkali menarik perhatian sarjana dalam dan luar negara, terutamanya apabila penglibatan aktor selain Islamis dapat dibuktikan sebagaimana dalam kajian ini. Sumbangan agamawan di peringkat kerajaan negeri dalam menyebarkan keperluan pelaksanaan undang-undang hudud menerusi khutbah ini mungkin memberikan impak kepada penerimaan masyarakat Islam terhadap undang-undang tersebut. Sebagai implikasi bagi kajian ini, pihak berkuasa agama sewajarnya mempromosikan perundangan Islam termasuk undang-undang hudud

dalam khutbah dengan lebih menyentuh maqasid syariah dan mengambil kira kepelbagaiannya pandangan ulama dan sarjana berkenaan hudud. Selain itu, pihak berkuasa agama juga tidak sepatutnya menggunakan pendekatan retorik, supaya masyarakat dapat memahami perkara secara ilmiah. Kajian lanjut boleh dibuat tentang sejauh mana khutbah boleh mempengaruhi suara masyarakat dalam isu-isu berkaitan Islam di Malaysia.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (DCP-2017-012/1).

RUJUKAN

- Al-Quran.
- Abbott, J. P., & Gregorios-Pippas, S. 2010. Islamization in Malaysia: Processes and dynamics. *Contemporary Politics* 16(2): 135-151.
- Ali Mahfuz. 1983. *Fan al-Khutbah wa I'dad al-Khatib*. Mesir: Dar al-Nasr.
- Algahtany, M., Kumar, L., Barclay, E., & Khormi, H. M. 2018. The spatial distribution of crime and population density in Saudi Arabia. *Crime Prevention and Community Safety* 20(1): 30-46.
- Alotaibi, N. I., Evans, A. J., Heppenstall, A. J., & Malleson, N. S. 2017. How well does western environmental theory explain crime in the Arabian context? The case study of Riyadh, Saudi Arabia. *International Criminal Justice Review* 29(1): 5-32.
- Anwar, Z. 2004. Islamisation and its Impact on Laws and the Law-Making Process in Malaysia. *Warning Signs of Fundamentalism*, 74. <http://wrcc.wluml.org/sites/wluml.org/files/import/english/pubs/pdf/wsf/08.pdf>
- Azodanloo, H. G. 1992. Formalization of Friday sermons and consolidation of the Islamic Republic of Iran. *Critique: Critical Middle Eastern Studies* 1(1): 12-24.
- Butt, A. I. 2016. Street power: Friday prayers, Islamist protests, and Islamization in Pakistan. *Politics and Religion* 9(1): 1-28.
- Camilleri, R. 2013. Religious pluralism in Malaysia: The journey of three prime ministers. *Islam and Christian-Muslim Relations* 24(2): 225-240.
- Chin, J. 2016. Malaysia: Heading for Sharia domination? *The Round Table* 105(6): 737-739.
- Daniels, T. P. 2013. PAS in Kedah: Cultural politics of pigs and development. *Contemporary Islam* 7(2): 155-172.
- Faruqi, S. S. 2005. The Malaysian Constitution, the Islamic State, and Hudud Laws. Dalam Nathan & Kamali. *Islam in Southeast Asia: Political, Social and Strategic Challenges for the 21st Century*, hlm. 256-277, Singapore: ISEAS-Yusof Ishak Institute.

- Feener, R. M. 2012. Social engineering through Sharia: Islamic law and state-directed da'wa in contemporary Aceh. *Islamic Law and Society* 19: 275-311.
- Hamayotsu, K. 2012. Once a Muslim, always a Muslim: The politics of state enforcement of Syariah in contemporary Malaysia. *South East Asia Research* 20(3): 399-421.
- Hamayotsu, K. 2004. Islamisation, patronage and political ascendancy. Dlm. *The State of Malaysia. Ethnicity, Equity and Reform*, 229-252. London: Rutledge Curzon.
- Hamid, A. F. A. 2015. The Hudud controversy in Malaysia: religious probity or political expediency? *Southeast Asian Affairs* 2015(1): 205-219.
- Hamid, A. F. A. 2009. Implementing Islamic law within a modern constitutional framework: Challenges and problems in contemporary Malaysia. *Islamic Studies*: 157-187.
- Haneef, S. S. S. 2010. Discourse on Hudud in Malaysia: Addressing the Missing Dimension. *Journal of Islamic Law and Culture* 12(2): 131-144.
- Harding, A. 2002. Keris, the crescent and the blind goddess: the state, Islam and the Constitution in Malaysia. *The Sing. J. International & Comparative Law* 6: 154-180.
- Hassan, M. H. 2007. Explaining Islam's Special Position and the Politic of Islam in Malaysia. *The Muslim World* 97(2): 287-316.
- Hung, H. T. M. 2016. The Politics of Hudud Law Implementation in Malaysia (No. 4, pp. 1-18). The ISEAS Working Paper Series.
- Hooker, M. B. 2008. *Indonesian Syariah: Defining a National School of Islamic Law*. Institute of Southeast Asian Studies.
- Ibn 'Abidin, Muhammad Amin bin Umar. 1992. *Radd al-Muhtar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Hazm, 'Ali bin Ahmad. 1930. *Al-Muhalla*. Mesir: Idarah al-Taba'ah al-Muniriyyah.
- Ibn Qudamah, Muhammad Abdullah Ahmad. *Al-Mughni 'ala Mukhtasar al-Kharqī*. 1997. Kaherah.
- Ibn Rusyd, Abu al-Walid Muhammad bin Ahmad. 1998. *Bidayatul Mujtahid wa Nihayatul Muqtasid*. Beirut: Dar al-Ma'rifat.
- Imran, R. 2005. Legal Injustices: The Zina Hudood Ordinance of Pakistan and Its Implications for Women. *Journal of international women's studies*, 7(2), 78-100.
- Jaim. 2014. Jauhi Perkara yang Boleh Menggugurkan Iman. <http://jaim.melaka.gov.my/bm/archive/khutbah/jauhi%20perkara%20yang%20boleh%20menggugurkan%20aqidah%2031-1-14.pdf>.
- Jaip. 2014a. Pelaksanaan Syariat Islam Secara Menyeluruh. [31 Januari 2017].
- Jaip. 2014b. Dimana Hak Allah dalam Perjuangan Hak Asasi Manusia. [31 Januari 2017].
- Jaip. 2014c. Undang-undang Syariah Adil Untuk Semua. [31 Januari 2017].
- Jaip. 2015. Konsep Pendidikan dalam Sebatan. [31 Januari 2017].
- Jais. 2010a. E-masjid: Borang Penilaian Khutbah. <http://e-masjid.jais.gov.my/uploads/borangs/BorangPenilaianKhutbah.pdf> [10 Januari 2017].
- Jais. 2010b. E-masjid: Borang Aduan Khutbah Jumaat Jais. <http://e-masjid.jais.gov.my/uploads/borangs/KomenKhutbahJumaat.pdf> [10 Januari 2017].
- Jais. 2014. Hudud daripada Perspektif Islam. [http://e-masjid.jais.gov.my/uploads/uploads/KhutbahJumaat\(rumi\)05092014.pdf](http://e-masjid.jais.gov.my/uploads/uploads/KhutbahJumaat(rumi)05092014.pdf) [30 Oktober 2017].
- Jais. 2015. Mengenali Qanun Jenayah Syariah. [http://e-masjid.jais.gov.my/uploads/uploads/11.09.2015%20\(rumi\)%20mengenali%20kanun%20jenayah%20syariah.doc.pdf](http://e-masjid.jais.gov.my/uploads/uploads/11.09.2015%20(rumi)%20mengenali%20kanun%20jenayah%20syariah.doc.pdf) [30 Oktober 2017].
- Jais. 2016. Fahaman Liberal Perosak Akidah. [http://e-masjid.jais.gov.my/uploads/uploads/26.02.2016\(rumi\)%20FAHAMAN%20LIBERAL%20PEROSAK%20AKIDAH.doc.pdf](http://e-masjid.jais.gov.my/uploads/uploads/26.02.2016(rumi)%20FAHAMAN%20LIBERAL%20PEROSAK%20AKIDAH.doc.pdf) [30 Oktober 2017].
- Jawi. 2015. Islam Memelihara Hak Asasi Manusia. <http://www.jawi.gov.my/index.php/my/e-khutbah> [30 Oktober 2017].
- Jheains. 2015. Berkurban Mentaati Allah SWT. <http://jheains.sabah.gov.my/index.php/perkhidmatan/khutbah-jumaat#> [31 Januari 2017].
- al-Jurjani, 'Ali bin Muhammad. 1988. *al-Ta'rifat*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Kalu, O. U. 2003. Safiyya and Adamah: Punishing adultery with sharia stones in twenty-first-century Nigeria. *African affairs*, 102(408): 389-408.
- Kamali, M. H. 1998. Punishment in Islamic law: A critique of the hudud bill of Kelantan, Malaysia. *Arab Law Quarterly* 13(3): 203-234.
- Kamp, M. 2008. Prayer leader, counsellor, teacher, social worker, and public relations officer – on the roles and functions of imams in Germany. Dlm. al-Hamarneh, A. & Thielmann J. (pnyt). *Islam and Muslims in Germany*, hlm. 133-160, Leiden & Boston: Brill.
- al-Kasani, 'Alauddin Abi Bakr Mas'ud. 2003. *Bada'i al-Sanai 'fi Tartib al-Syarai'*. Beirut: Dar al-Ma'rifat.
- Kendhammer, B. 2013. The Sharia Controversy in Northern Nigeria and the Politics of Islamic Law in New and Uncertain Democracies. *Comparative Politics*, 45(3): 291-311. ingentaconnect.com.
- Kushimoto, H. 2015. "Azharisation" of 'Ulama Training in Malaysia. Dlm. Bano M. & Sakurai K. (pnyt.). *Shaping Global Islamic Discourses: The Role of Al-Azhar, Al-Madinah and Al-Mustafa*, hlm. 190-218. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Lee, J. C. H. 2010. Oversanctification, Autonomy and Islam in Malaysia. *Totalitarian Movements and Political Religions* 11 (1): 27-46.
- Ludwig, F. 2008. Christian-Muslim Relations in Northern Nigeria since the Introduction of Shari'ah in 1999. *Journal of the American Academy of Religion*.

- American Academy of Religion* 76(3): 602-637. Oxford University Press.
- Maidam. 2013. Faktor-Faktor Keamanan. http://e-khutbah.terengganu.gov.my/pdf_arkib.php?page=9 [23 Mac 2017].
- Maik. 2014a. Pelaksanaan Hukuman Islam: Pendidikan dan Pencegahan. <http://www.e-maik.my/v2/index.php/ms/e-khutbah.html?task=document.viewdoc&id=270> [30 Oktober 2017]
- Maik. 2014b. Hak Asasi Menurut Keutamaan Islam. <http://www.e-maik.my/v2/index.php/ms/e-khutbah.html?task=document.viewdoc&id=234> [30 Oktober 2017].
- Maik. 2014c. Kewajipan Melaksanakan Hukum Islam. <http://www.e-maik.my/v2/index.php/ms/e-khutbah.html?task=document.viewdoc&id=268> [30 Oktober 2017].
- Maik. 2014d. Gejala Sosial. <http://www.e-maik.my/v2/index.php/ms/e-khutbah.html?task=document.viewdoc&id=254> [30 Oktober 2017].
- Mehdi, R. 2013. *The Islamization of the Law in Pakistan (RLE Politics of Islam)*. Routledge.
- Mohamad, M. 2010. The Ascendance of Bureaucratic Islam and the Secularization of the Sharia in Malaysia. *Pacific Affairs* 83(3): 505-524.
- Mohd Al Adib dan Noor Aziah. 2009. Hukuman terhadap Pesalah Kanak-kanak di Malaysia: Pencegahan atau Pemulihan. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat* 13: 35-54.
- Mohd Al Adib Samuri. 2012. Teori Pencegahan Sebagai Justifikasi Hukuman: Analisis Perbandingan Antara Perundangan Sivil dan Islam. *Jurnal Islamiyyat* 34. 131-143.
- Moustafa, T. 2013. Islamic Law, Women's Rights, and Popular Legal Consciousness in Malaysia. *Law & Social Inquiry* 38: 168-188.
- Moustafa, T. 2014. Judging in God's Name: State Power, Secularism, and the Politics of Islamic law in Malaysia. *Oxford Journal Law Religion* 3(1): 152-16.
- Muhammad Abu Zahrah. 1934. *al-Khatabah: Usuluha wa tarikhuhā*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabiyy.
- Muslim, Abu al-Hasan al-Hajjaj al-Qusyairi. 1972. *al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar*. Beirut: Dar Ihya al-Turath.
- Muzakki, A. 2008. Islam as a symbolic commodity: Transmitting and consuming Islam through public sermons in Indonesia, Dlm. Kitarsa, P. (pnyt.) *Religious Commodifications in Asia: Marketing Gods*, hlm. 205-219. New York: Routledge.
- Nagata, J. 1980. Religious ideology and social change: The Islamic revival in Malaysia. *Pacific Affairs*, 405-439.
- Nagata, J. 1986. The impact of the Islamic revival (dakwah) on the religious culture of Malaysia, Dlm Matthews & Nagata (pnyt.). *Religion, values and development in Southeast Asia*, hlm. 37-50, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Nasiha, A., Khan, J. A., & Aris, S. R. S. 2017. Acceptance of Multicultural Society on the Hudud Bill Implementation in Malaysia. *Journal of Media and Information Warfare* 9(6): 63-100.
- al-Nawawi, Abi Zakaria Yahya. 1980. *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Nawawi, Abi Zakaria Yahya. 1988. *Tahrir Alfaz al-Tanbih*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Nmehielle, V. O. O. 2004. Sharia Law in the Northern States of Nigeria: To Implement or Not to Implement, the Constitutionality is the Question. *Human Rights Quarterly*, 26(3): 730-759.
- Olaniyi, R. O. 2011. Hisbah and Sharia Law Enforcement in Metropolitan Kano. *Africa today* 57(4): 71-96.
- Peters, R. 2001. *The Reintroduction of Islamic Criminal Law in Northern Nigeria*. ecoi.net. Retrieved from https://www.ecoi.net/en/file/local/1411812/mv177_peters-ngr0901.pdf
- al-Qarafi, Ahmad bin Idris. t.t. *al-Furuq*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad. 1964. *al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyah.
- Rahim, L. Z. 2018. Careful What You Wish for: Salafi Islamisation and Authoritarian Governance in Malaysia. Dlm. J. L. Esposito, L. Zubaidah Rahim, & N. Ghobadzadeh (pnyt.), *The Politics of Islamism: Diverging Visions and Trajectories*, hlm. 179-216. Cham: Springer International Publishing.
- Raszewski, A. 2016. The Image of Saudi Arabia in the Discourse of Human Rights Defenders and Media Reports. *Hemispheres* 31(4): 42-52.
- Samuri, M. A. A., & Hopkins, P. 2017. Voices of Islamic authorities: Friday khutba in Malaysian mosques. *Islam and Christian-Muslim Relations* 28(1): 47-67.
- Seda-Poulin, M. L. 1993. Islamization and legal reform in Malaysia: The hudud controversy of 1992. *Southeast Asian Affairs* 224-242.
- Shiozaki, Y., & Kushimoto, H. 2014. Reconfigurations of Islamic authority in Malaysia. *Asian Journal of Social Science* 42(5): 602-619.
- al-Shirbini, Muhammad al-Khatib. 1997. *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifat Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Shirazi, Abi Ishak Ibrahim 'Ali. 1995. *Al-Muhazzab fi Fiqh Imam al-Syafie'*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Thurston, A. 2016. The Aminu Kano College of Islamic and legal studies: A site for the renegotiation of Islamic law and authority in Kano, Nigeria. Dlm. *Muslim Institutions of Higher Education in Postcolonial Africa*, edited by M. Lo & M. Haron, 247-264. New York: Palgrave Macmillan US.
- Tønnesen, L. 2014. When rape becomes politics: Negotiating Islamic law reform in Sudan. *Women's Studies International Forum* 44: 145-153.
- Wah, F. L. K. 2014. Hudud: Is UMNO goading PAS? *Asian Studies: Journal of Critical Perspectives on Asia* 50(1): 113-122.

- Wardak, A. 2002. The Mosque and social control in Edinburgh's Muslim community. *Culture and Religion* 3(2): 201-219.
- Weiss, M. L. 2004. The changing shape of Islamic politics in Malaysia. *Journal of East Asian Studies* 4(1): 139-173.

Mohd Al Adib Samuri
Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
Malaysia
al_adib@ukm.edu.my

Norfadilah Amir
Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
Malaysia
norfadilahamir@siswa.ukm.edu.my

